

28/05/2000

Pulau Kristal

Wan Jailani Razak

PERKAMPUNGAN dimajukan oleh LangkawiiCrystaal Sdn Bhd (LangkawiiCrystaal), sebuah syarikat pengeksport utama kristal, akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam industri berkenaan.

Bercirikan perkampungan Melayu dan adaptasi seni Venice, perkampungan yang dibina di kawasan 0.97 hektar itu akan dilengkapi sekolah latihan antarabangsa, pusat penyelidikan dan pembangunan serta ruang pameran serta galeri khusus untuk barangan kristal.

Pengarah Urusan LangkawiiCrystaal, Abdoul Rahman Abdullah, berkata ketika ini kerja memindahkan peralatan dan barangan dari tempat operasinya di Jalan Kisap ke Pulau Rebak, dilakukan secara berperingkat.

Menurutnya, perkampungan itu dijangka memulakan operasi sebaik kemudahan dan peralatan siap disediakan sepenuhnya, Jun ini.

Bagaimanapun, katanya, LangkawiiCrystaal akan turut membuka tiga studio jualannya di Padang Matsirat, Galeria Perdana di Kilim dan Oriental Village di Teluk Burau.

"Kita akan meningkatkan kerjasama dengan pengusaha dan ejen pelancongan serta pengembaraan untuk membawa pelancong ke Perkampungan Kristal menerusi pakej percutian istimewa," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut melawat perkampungan itu dalam lawatan tidak rasmi dua hari beliau ke Langkawi pada 11 Mac lalu dengan menaiki helikopter dari Teluk Burau.

Perdana Menteri yang kagum dengan Perkampungan Kristal mahu pihak pengurusan LangkawiiCrystaal bersungguh-sungguh dalam menjayakan projek itu bagi membantu kerajaan memajukan sektor pelancongan di Langkawi.

Mereka yang mahu ke Perkampungan Kristal di Pulau Rebak boleh menaiki bot yang disediakan di Jeti Langkasuka dengan bayaran cuma RM5 bagi perjalanan pergi balik.

Jadual perjalanan dari Jeti Langkasuka ke Pulau Rebak bermula seawal jam 7 pagi, 7.45 pagi, 8.45 pagi, 10.45 pagi, 12 tengah hari, 2.30 petang, 4 petang, 5.15 petang, 6.15 petang, 7.15 malam dan 8.30 malam.

Sementara bagi perjalanan dari Pulau Rebak ke Jeti Langkasuka bermula jam 7.15 pagi, diikuti 8 pagi, 9.30 pagi, 11.30 pagi, 12.30 tengah hari, 3 petang, 4.30 petang, 5.45 petang, 6.45 petang, 7.45 malam, 8.30 malam dan 9 malam.

Di 'hot area' perkampungan itu, misalnya, pelbagai kegiatan dilakukan sehingga terhasilnya kristal bermutu tinggi untuk mereka yang mementingkan kualiti dan warisan seni.

Antaranya, proses penyediaan mangkuk ceramik sebelum digunakan dalam ketuhar peleburan. Mangkuk ceramik dipanaskan selama kira-kira 10 hari sebelum digunakan untuk proses peleburan.

Ia kemudian dikeluarkan dari tempat pemanasan dengan suhu 1,200 darjah Centigrade. Mangkuk ceramik dipanaskan terlebih dahulu bagi mengelak ia pecah apabila dimasukkan ke dalam ketuhar peleburan.

Mengenai sekolah latihan dan pusat penyelidikan dan pembangunan di perkampungan itu, Abdoul Rahman berkata, kemudahan itu akan dimajukan dengan bantuan universiti tempatan yang menawarkan diploma dan ijazah dalam pembangunan francais, kraftangan dan keusahawanan.

Menurutnya, pusat berkenaan juga akan melatih pekerja yang dikenal pasti mampu memberi sokongan kepada pembangunan industri berkenaan pada masa depan.

Ia juga akan dihubungkan dengan kajian seni di beberapa universiti di

seluruh dunia, bertujuan memperkenalkan produk LangkawiiCrystaal dengan lebih meluas.

Menyedari hakikat LangkawiiCrystaal adalah syarikat terulung di negara ini yang membabitkan diri dalam industri pembuatan kristal, ia perlu menyediakan kemudahan bagi pertumbuhan industri itu dengan melahirkan pekerja mahir.

Pusat latihan itu yang mengambil contoh industri sama di Pulau Morano, Itali, boleh dikunjungi pelawat sama ada untuk melihat bagaimana kristal dihasilkan di samping membeli belah.

Tahun lalu, LangkawiiCrystaal membekalkan kristal bernilai lebih RM200,000 kepada Harrods, gedung beli belah terkenal di London. Selain beberapa negara di Asia Tenggara, LangkawiiCrystaal ketika ini mengeksport kristal ke England, Switzerland, Brunei, Jerman dan Sweden.

(END)